

19/09/1999

Pusat pemindahan bioteknologi terancang

Zainudin Isa

PUSAT Teknologi Pintar yang dibangunkan bersama oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perbadanan Kemajuan Teknologi Malaysia (MTDC) di Kampus Induk UKM, Bangi, adalah satu-satunya pusat pemindahan sektor bioteknologi dari universiti ke industri di negara ini.

Pusat ini dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 9 September lalu.

Dibangunkan dalam kawasan seluas 2.4 hektar di UKM, pusat ini menyediakan ruang dan infrastruktur yang bersesuaian bagi tujuan inkubasi teknologi dalam bidang bioteknologi serta bidang berkai-tan teknologi kluster seperti disaran kerajaan dalam Pelan Induk Industri Kedua Malaysia (IMP-2).

Pemangku Ketua Perhubungan Awam UKM, Teh Ragamah Abdullah dalam satu kenyataannya berkata, pusat berkenaan juga menyediakan khidmat perunding dalam bidang bioteknologi dan bidang lain seperti perniagaan, pengurusan dan teknikal.

"Pusat ini juga turut menyediakan pangkalan data yang bersifat sejagat bagi membantu penyewa mendapatkan maklumat mengenai perundingan, perkhidmatan dan peralatan yang disediakan," katanya.

Pusat ini dilengkapi prasarana moden seperti Sistem Local Area Network (LAN) dan Wide Area Network (WAN) bagi membolehkan penyewa berkomunikasi serta mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan bersistematik.

Pusat ini dinamakan Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC bersesuaian dengan bidang sasarannya dalam bioteknologi.

Bioteknologi bermaksud teknologi berasaskan hidupan yang terdiri daripada unit kecil, iaitu sel.

Sel pula terdiri daripada nukleus yang dikelilingi plasma yang dalamnya terdapat pelbagai organel seperti ribosom, stroma, grana dan intrin-ekson yang menjalankan fungsi kehidupan.

Oleh itu lima blok pusat ini juga dinamakan dengan nama organel berkenaan iaitu Blok Plasma, Blok Heliks Emas, Blok Intrin-Ekson, Blok Grana dan Blok Stroma.

Sementara itu, Pengarah Biro Rundingan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Marzuki Mustafa, berkata melalui pusat itu, penyelidikan dalam sektor pembangunan dan pembuatan dapat dimajukan hingga ke peringkat reka bentuk produk dan pasaran.

Sebagai permulaan, selain menumpukan penyelidikan dalam bidang bioteknologi, bidang lain seperti kejuruteraan, teleperubatan dan multimedia juga boleh dilakukan di pusat itu, katanya dalam keluaran khas majalah universiti, Senada.

Beliau berkata, pusat teknologi itu mampu menarik syarikat bioteknologi tempatan dan luar negara, khususnya mereka yang terbabit dalam program peningkatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Saya berharap kakitangan akademik UKM dan penyelidik dapat mengambil peluang ini secara maksimum memandangkan pusat ini dibina di UKM," katanya.

Ia juga menyediakan perkhidmatan dan peralatan ruang pejabat, jaringan maklumat, peralatan makmal, kemudahan mepakej teknologi ke pasaran, membantu mendapatkan pengiktirafan teknikal dan standard serta mendapatkan geran dan pinjaman.

(END)